

18 FEB 1997

Mahathir-Rombakan

TIADA SEBAB BAGI ROMBAKAN KABINET, KATA MAHATHIR

KOTA KINABALU, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak mempunyai apa-apa perancangan untuk membuat rombakan kepada Kabinet yang sedia ada.

Katanya beliau tidak mempunyai apa-apa masalah dengan barisan Kabinet yang sedia ada.

"Saya tidak mempunyai apa-apa rancangan (untuk membuat rombakan kabinet). Kenapa pula saya perlu berbuat demikian, saya tidak mempunyai apa-apa masalah (dengan kabinet yang sedia ada)," katanya pada persidangan berita di lapangan terbang lama di sini sebelum berlepas balik ke Kuala Lumpur selepas mengakhiri lawatan dua hari ke sini.

Beliau diminta mengulas laporan spekulatif sebuah akhbar berbahasa Cina minggu lepas, yang memetik sumber-sumber Umno yang boleh dipercayai, mengenai rombakan Kabinet yang bakal dilakukan.

Akhbar Sunday Times Singapura pula memetik laporan itu dan juga menulis mengenai kemungkinan diadakan satu rombakan Kabinet dua hari lepas.

Kata Dr Mahathir: "Kita percaya kepada kebebasan akhbar, kebebasan bersuara dan kebebasan membuat spekulasi. Oleh itu mereka boleh membuat spekulasi dan jika diteliti pada masa lalu, memang banyak spekulasi dan ramalan yang dibuat.

"Tetapi, daripada aspek lain, jika anda membuat spekulasi kononnya ada pilihan raya dibuat tahun depan tetapi pilihan raya itu tidak diadakan, anda akan kata lagi bahawa pilihan raya akan diadakan pada tahun berikutnya."

Akhirnya, apabila tiba kerajaan memutuskan untuk mengadakan pilihan raya, pihak yang membuat spekulasi itu pun mendakwa ramalan yang dibuatnya itu betul belaka, katanya.

"Pilihan raya memang tetap akan diadakan akhirnya dan apabila kita mengadakan pilihan raya itu, mereka akan berkata kononnya mereka sudah menjangka (kerajaan akan mengadakannya). Tetapi yang sepuluh kali dia ramal tak kena, dia terlupa," katanya.

Menurutnya perkara yang sama juga berlaku dalam spekulasi berhubung rombakan Kabinet berkenaan kerana mendakwa "kononnya mereka tahu bagaimana cara pemikiran Perdana Menteri."

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ditanya pemberita di KUALA LUMPUR hari ini, pula menyifatkan laporan media berkenaan sebagai spekulasi semata-mata yang telah berlanjutan sejak beberapa lama.

Anwar juga menggesa orang ramai agar tidak melayan khabar angin itu kerana soal rombakan Kabinet adalah hak Perdana Menteri.

Mengenai tindakan Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan Wan Abdul Rahim Wan Abdullah menolak 19 soalan lisan dan satu soalan bertulis wakil rakyat Barisan Nasional (BN) daripada dibentangkan pada persidangan dewan itu 23 Feb ini, Dr Mahathir berkata jika soalan itu tidak relevan maka "kita tak boleh nak merungut."

Bagaimanapun jika ia berkaitan dengan soal-soal pentadbiran, ia menunjukkan seolah-olah Pas yang menguasai kerajaan negeri itu takut dan cuba menyembunyikan sesuatu, kata beliau. -- BERNAMA

JS NT NMO